

22 APR 1998

Mahathir-pertikaian

PEMBANGUNAN BERSAMA ATASI PERTIKAIAN WILAYAH, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Amer Hamzah Mohd Sap

SONGKHLA (Selatan Thailand), 22 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru negara-negara yang bertikai mengenai wilayah bertindih supaya menyelesaikannya menerusi pembangunan bersama kawasan terbabit.

Perdana Menteri berkata usaha membangunkan Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA) merupakan satu bentuk kerjasama unik antara kedua-dua negara berdasarkan kepada konsep yang menguntungkan kedua-dua pihak.

"Pembangunan penting ini bukan sahaja mengukuhkan lagi hubungan antara negara-negara kita, ia juga menjadi sebagai perintis bahawa pendekatan seperti ini mampu menjadi satu cara menyelesaikan pertikaian wilayah," katanya ketika berucap pada majlis menandatangani perjanjian penjualan gas yang melibatkan Petronas.

Yang turut hadir ialah Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai. Majlis berlangsung di Gen Prem Tinsulanonda Park di sini.

Dr Mahathir berkata perjanjian itu adalah satu bukti nyata mengenai kejayaan dan kemajuan MTJDA.

Pendapat beliau disokong oleh Chuan yang berkata perjanjian itu menunjukkan kepada dunia bahawa perkongsian secara saksama akan memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Ide untuk sama-sama memajukan sumber hidrokarbon di Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) yang bertindih, telah diilhamkan hampir 20 tahun lepas.

Walaupun kedua-dua negara mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan dan bersetuju mengenai cara mengusahakan sumber hidrokarbon itu, kejayaan telah dicapai secara beransur-ansur dalam tempoh itu, kata Dr Mahathir.

Ini jelas selepas kontrak pengeluaran bersama bagi blok dalam JDA dikeluarkan pada 1994, katanya.

"Saya difahamkan bahawa simpanan gas yang banyak, berjumlah 10 trilion kaki padu ditemui di JDA, menjadikan usaha meneruskan proses memajukannya secara komersil menguntungkan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata apa yang berlaku kebelakangan ini menunjukkan betapa pentingnya negara-negara di rantau ini khususnya anggota Asean, saling berhubungan dan saling bergantung.

"Kini, ciri saling bergantung ini menjadi lebih kritikal ketika kedua-dua negara kita berganding tenaga untuk mengatasi cabaran bersama," katanya.

Dr Mahathir berkata kerjasama antara Petronas dan Lembaga Petroleum Thailand (PTT) untuk mengendalikan projek itu tepat pada masanya kerana ia mampu menjadi perangsang bagi memulihkan ekonomi Thailand dan Malaysia.

"Semangat kerjasama ini, yang turut terkandung dalam rangka kerja Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand, menjadi bukti kepada dasar 'makmurkan jiran' yang kami pelopori," katanya.

Beliau berkata perjanjian itu adalah tanda permulaan pembangunan utama projek JDA dengan pengeluaran gas akan bermula pertengahan tahun 2001.

Gas asli akan disalurkan dari kawasan lapangan menerusi paip untuk diproses oleh loji pengasingan gas (GSP) di sini untuk kegunaan sektor tenaga, industri, komersil dan domestik.

Projek pembangunan infrastruktur, yang merupakan projek paip dikenali sebagai Trans-Thailand-Malaysia Pipeline System (TTM) dan loji GSP itu, akan dimaju dan dikendalikan bersama oleh Petronas dan PTT.

Dr Mahathir berkata projek itu akan menjadi pemangkin kemajuan di

selatan Thailand dan utara Malaysia.

Seperti di Kertih, katanya, penyediaan infrastruktur tertentu akan menarik pelaburan dalam dan luar negara, khususnya dalam industri hiliran yang akan menjadikan selatan Selatan dan utara Malaysia sebagai satu kawasan industri dan komersil baru.

Dr Mahathir yang memulakan ucapannya dalam bahasa Malaysia bagi faedah golongan Melayu Thai yang hadir di majlis itu, menyeru mereka supaya menunjukkan taat setia mereka kepada negara mereka seperti juga rakyat Malaysia berketurunan Thai yang taat kepada Malaysia.

Dengan itu, mereka akan mendapat faedah daripada pembangunan yang akan berlaku di kawasan berkenaan.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Gabenor PTT Pala Sookavesh dan Presiden Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican yang merupakan pembeli dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) Ismail Sulaiman, Pengarah Urusan Petronas Carigali (JDA) Sdn Bhd, Datuk Mohamad Idris Mansor dan Pengerusi serta Ketua Pegawai Eksekutif Triton Oil Company Thomas G. Finck.

Perjanjian pertama adalah bagi pembelian 390 juta kaki padu gas asli setiap hari dari Block A-18 di MTJDA untuk tempoh 20 tahun. Penghantaran gas itu dijangka bermula pada suku pertama 2001.

Perjanjian kedua pula ialah bagi pembelian 250 juta kaki padu gas setiap hari dari Block B-17 dan C-19 bagi 16 tahun. Penghantaran gas itu dijangka bermula pada suku ketiga tahun 2002.

-- BERNAMA

AHM PR MAI